



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijeipc.com



PERSEPSI GURU TERHADAP HUBUNGAN ETNIK RENTAS AGAMA DAN BUDAYA DALAM KALANGAN PELAJAR

TEACHERS' PERCEPTION OF CROSS-RELIGIOUS AND CROSS-CULTURAL ETHNIC INTERACTION AMONG STUDENTS

Habibah @ Artini Ramlie^{1*}, Jamsari Hashim², Saifulazry Mokhtar³, Mohd Sohaimi Esa⁴

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: habibah_artini@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: jamsari@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: msohaimi@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 25.08.2022

Published date: 22.09.2022

To cite this document:

Ramli, H. A, Hashim, J., Mokhtar, S., & Esa, M. S. (2022). Persepsi Guru Terhadap Hubungan Etnik Rentas Agama dan Budaya dalam Kalangan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 493-503.

DOI: 10.35631/IJEPC.747040

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Masyarakat di negeri Sabah terkenal dengan sikap keterbukaan dan toleransi yang tinggi. Hubungan etnik rentas agama dan budaya berjalan dalam suasana harmoni tanpa sebarang isu yang boleh menimbulkan kegusaran masyarakat termasuklah dalam institusi persekolahan. Objektif kajian ini adalah untuk membuktikan kenyataan tersebut dengan meninjau persepsi guru terhadap hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Responden kajian adalah seramai 77 orang guru dari beberapa buah sekolah menengah di daerah Kota Kinabalu. Hasil analisis soalselidik menunjukkan hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar dari kaca mata para guru sememangnya baik dan memberangsangkan. Dalam aspek hubungan tersebut, para pelajar saling menghormati antara satu sama lain, sedia bekerjasama dalam sebarang program sekolah dengan rasa gembira, tidak kelihatan kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan walaupun berlainan agama dan budaya, selesa bergaul dan membincangkan hal-hal akademik bersama-sama dan sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan mereka yang berlainan agama dan budaya. Hal ini merupakan asas penting kepada keharmonian masyarakat berbilang kaum di Sabah yang perlu sentiasa dititikberatkan demi menjamin keharmonian berterusan masyarakat di Sabah khususnya dan Malaysia amnya.

Kata Kunci:

Agama, Budaya, Hubungan Etnik, Pelajar, Sabah

Abstract:

Sabah society is well-known for its open-mindedness and high level of tolerance. Cross-religious and cross-cultural ethnic interactions occur in harmony without any issues likely to trigger societal unease including within the settings of educational institutions. The objective of this study was to provide evidence for this assertion through a quantitative examination of the perceptions of teachers on the aspect of cross-religious and cross-cultural ethnic interaction among students. Respondents in the study comprised 77 teachers from several secondary schools in the district of Kota Kinabalu. Analysis of the questionnaire indicated that from the teachers' perspective, cross-religious and cross-cultural ethnic interaction among students was actually positive and encouraging. In these interactions, students were respectful of each other, willing and happy to work together in any school programme, not hesitant to ask for help from friends of other religions and culture, at ease interacting and discussing academic matters together, and ready to learn new things from their friends of different religious and cultural backgrounds. This scenario is an important cornerstone to the multi-racial societal harmony in Sabah which needs to be emphasised to ensure its continuity in Sabah society specifically and in Malaysia in general.

Keywords:

Religion, Culture, Ethnic Relationship, Students, Sabah

Latar Belakang Kajian

Kepelbagaian kaum di Malaysia memerlukan hubungan etnik yang harmoni demi menjamin keamanan berterusan. Keharmonian hubungan etnik perlu merentasi agama dan budaya tanpa menyentuh sensitiviti mana-mana pihak dengan melihatnya dari sudut fungsi agama dan budaya itu sendiri yang menekankan aspek keamanan, perdamaian dan keharmonian. Hubungan etnik yang baik biasanya terjalin tanpa paksaan dalam pelbagai suasana dan ruang lingkup yang luas. Ia bukan hanya berlaku dalam masyarakat, komuniti dan tempat kerja malah turut berlaku di sekolah. Sekolah merupakan tempat untuk memupuk asas hubungan etnik yang berkesan sebelum pelajar melangkah ke alam universiti dan bidang pekerjaan. Sekiranya sekolah tidak berfungsi dengan baik, maka tidak mustahil akan berlaku masalah polarisasi dalam kalangan pelajar yang boleh membawa kepada rasa prejudis terhadap rakan-rakan berlainan agama dan budaya. Hal ini kerana antara bentuk cabaran yang tercetus dalam usaha membentuk hubungan etnik rentas agama dan budaya yang berkesan pada peringkat persekolahan adalah wujudnya rasa prasangka di antara satu sama lain dalam kalangan pelajar (Nor Shela & rakan-rakan, 2019, Suresh Kumar, 2017). Permasalahan ini perlu ditangani dengan penuh hikmah dan bijaksana agar ia tidak mengganggu gugat matlamat keamanan dalam negara.

Sorotan Kajian

Di Sabah, masyarakatnya amat dikenali sebagai masyarakat yang toleran dan hidup dalam suasana yang harmoni walaupun terdiri daripada pelbagai kepercayaan dan etnik (Abd Hakim & rakan-rakan, 2015). Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014 (2015) mencatatkan pada tahun 2010, bilangan penduduk Sabah adalah seramai 3,206,742 orang yang terdiri dari 33 kumpulan

pribumi dengan lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik. Dalam kerencaman pelbagai etnik tersebut, hubungan masyarakat pelbagai agama dan etnik di Sabah digambarkan sebagai sesuatu yang unik yang perlu diikuti oleh masyarakat lain khususnya dalam aspek integrasi dan perpaduan. Asmiaty (2021) dalam hal ini menyatakan beberapa kajian oleh para sarjana dan ahli politik memperlihatkan negeri Sabah merupakan contoh terbaik dalam aspek toleransi etnik menerusi amalan kehidupan mereka walaupun sangsi sosial antara etnik tetap wujud dalam bentuk yang tidak sama seperti di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, impak toleransi etnik di kalangan masyarakat (Budi Anto, 2010) di samping penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar tunggal di sekolah-sekolah di Sabah tetap menggalakkan interaksi etnik bersifat positif dalam kalangan pelajar (Sharifah Darmia, 2019) walaupun masyarakat Sabah terdiri dari kepelbagaian agama dan etnik.

Kajian Airen Surayya, Tan dan Noor Banu (2021) melibatkan beberapa orang pelajar sekolah di Keningau, Sabah membuktikan perkara ini. Dapatan kajian tersebut menunjukkan pengetahuan dan pengalaman dalam kehidupan masyarakat sekeliling menjadikan pelajar tidak menghadapi masalah untuk menerima adat kaum lain. Kesannya, hubungan interaksi pelajar sesama rakan pelbagai budaya tidak terikat melalui satu cara. Sikap positif dan keterbukaan pelajar dalam memberikan tindak balas terhadap aktiviti dijalankan membuktikan perbezaan budaya bukan penghalang serta alasan untuk tidak bekerjasama dengan pelajar pelbagai budaya. Selain bekerjasama dengan rakan sebaya yang berlainan etnik ketika sesi pengajaran dan pembelajaran, pelajar juga bersedia untuk bekerjasama dalam sebarang aktiviti sekolah.

Manakala dalam aspek toleransi, kajian Budi Anto dan Saidatul (2020) mendapati toleransi pelajar-pelajar Bumiputera di sekolah-sekolah sekitar Kota Kinabalu terhadap pelajar kaum Cina juga adalah tinggi. Walaupun wujud sedikit perbezaan, namun perbezaan tersebut terlalu kecil. Analisis demografi kajian mengikut agama, asal, jantina, jenis aliran sekolah dan status perkahwinan ibubapa tidak menunjukkan perbezaan yang ketara untuk dibuat perbandingan. Pada peringkat universiti, kajian Budi Anto (2008) juga menunjukkan bahawa tahap interaksi dan toleransi etnik dalam kalangan pelajar bumiputera Sabah di Universiti Malaysia Sabah adalah tinggi. Perbezaan agama mahupun tahap keagamaan yang berbeza tidak mempengaruhi tahap interaksi dan toleransi etnik di kalangan pelajar. Hal ini menjelaskan tahap interaksi dan toleransi etnik yang tinggi adalah gambaran tindakan rasional dan sikap pragmatik para pelajar dalam konteks sosial harian. Ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti faktor kahwin campur yang tinggi di Sabah serta faktor-faktor lain yang tidak dibincangkan di sini.

Dalam konteks yang lebih luas, hubungan masyarakat pelbagai etnik di Sabah turut melangkaui batas agama kerana aspek anutan pelbagai agama dalam sesebuah keluarga (Mohd. Sohaimi, Dayu & Budi Anto, 2011; Sharifah Darmia, 2020). Ini menjadikan masyarakat pelbagai agama dan etnik tidak menghadapi masalah untuk saling menjalin hubungan yang rapat kerana mempunyai penerimaan yang tinggi untuk menangani perbezaan dan konflik secara harmonis. Apabila tercetus isu-isu melibatkan provokasi hubungan etnik dan agama yang hangat dalam kalangan masyarakat Malaysia di negeri-negeri lain misalnya. Masyarakat di Sabah tidak cepat 'melatah' sebaliknya bertindak lebih matang dengan memperhalusi isu-isu berkenaan kerana mahu mengelakkan perkara tersebut dari menjejaskan keharmonian hubungan dalam masyarakat yang sudah sedia terjalin (Siti Aidah & rakan-rakan, 2021). Oleh itu, jelas bahawa hubungan sosial masyarakat Sabah yang melangkaui agama dan etnik merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada toleransi yang begitu tinggi dalam kalangan masyarakat Sabah sendiri (Abd Hakim & rakan-rakan, 2015). Ini termasuklah dalam kalangan pelajar di sekolah. Justeru bagi gambaran yang lebih jelas mengenai aspek keharmonian yang dinyatakan,

kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi guru terhadap aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar di Sabah khususnya di Kota Kinabalu.

Metodologi Kajian

Kajian dijalankan secara kuantitatif menggunakan kaedah soal selidik untuk meninjau persepsi guru terhadap aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar. Pengkaji menjalankan kajian setelah mendapat keizinan bertulis dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS), Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu (PPDKK) serta pihak pentadbir sekolah yang terbabit. Seramai 77 orang guru dipilih secara rawak dari 10 buah sekolah yang ditetapkan sekitar bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Kriteria yang dibangunkan oleh pengkaji untuk menentukan pemilihan peserta kajian adalah guru yang mempunyai keupayaan untuk memberikan maklumat tentang hubungan entik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar di sekolah.

Item-item soalselidik dibangunkan berasaskan kajian Ramlee dan rakan-rakan (2009) berkaitan interaksi sosial kepelbagaian pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia yang diubahsuai oleh pengkaji mengikut kesesuaian kajian. Soal selidik dalam bentuk '*google form*' diedarkan kepada para guru secara atas talian dengan bantuan para pentadbir sekolah. Data soal selidik yang diperolehi seterusnya dianalisis menggunakan perisian SPSS secara analisis deskriptif.

Dapatan Kajian

Dalam kajian yang dijalankan, sebanyak 14 item dikemukakan kepada peserta kajian. Pengkaji menggunakan skala persetujuan Likert lima mata untuk mengukur item soal selidik iaitu: (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Kurang Setuju, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Soal selidik ini menggambarkan ukuran perspektif peserta kajian terhadap corak hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar.

Peserta kajian terdiri dari 17 orang (22.1%) guru lelaki dan 60 orang (77.9%) guru perempuan. 14 orang (18.2%) guru berbangsa Melayu, 12 orang (15.6%) guru berbangsa Cina, 46 orang (59.7%) guru adalah Bumiputera Sabah, 4 orang (5.2%) adalah Bumiputera Sarawak dan 1 orang (1.3%) adalah lain-lain. Tidak ada guru yang berbangsa India. Manakala seramai 41 orang (53.2%) guru adalah beragama Islam, 33 orang (42.9%) guru beragama Kristian dan 3 orang (3.9%) beragama Buddha.

Jadual 3: Demografi Peserta Kajian

Demografi Peserta Kajian		
Jantina	Lelaki	17 (22.1%)
	Perempuan	60 (77.9%)
Etnik	Melayu	14 (18.2%)
	Cina	12 (15.6%)
	India	0 (0%)
	Bumiputera Sabah	46 (59.7%)
	Bumiputera Sarawak	4 (5.2%)
	Lain-lain	1 (1.3%)
Agama	Islam	41 (53.2%)
	Kristian	33 (42.9%)

Buddha	3 (3.9%)
Lain-lain	0 (0%)

Jadual 4 adalah dapatan kajian yang memberikan gambaran tentang persepsi guru terhadap hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar di sekolah. Nilai skor secara keseluruhan dibahagikan jumlah item untuk mendapatkan nilai min. Nilai min tersebut digunakan sebagai petunjuk indeks hubungan. Indeks hubungan ini akan ditentukan sama ada tinggi, sederhana atau rendah berdasarkan julat indeks yang ditunjukkan di bawah.

- A. 3.68 hingga 5.0 = Tinggi
- B. 2.34 hingga 3.67 = Sederhana
- C. 1.0 hingga 2.33 = Rendah

Jadual 4: Nilai Min Setiap Item

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Nilai Min
1	Pelajar menghormati kepercayaan rakan-rakan mereka yang berlainan agama.	0 0%	1 1.3%	0 0%	36 46.8%	40 51.9%	4.49
2	Pelajar sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan mereka yang berlainan agama.	2 2.6%	1 1.3%	10 13.0%	40 51.9%	24 31.2%	4.08
3	Pelajar tidak kelihatan kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan mereka yang berlainan agama apabila memerlukan bantuan.	1 1.3%	0 0%	4 5.2%	34 44.2%	38 49.4%	4.40
4	Pelajar selesa bergaul dengan rakan-rakan mereka yang berlainan agama.	0 0%	1 1.3%	3 3.9%	37 48.1%	36 46.8%	4.40
5	Pelajar selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan mereka yang berlainan agama.	0 0%	0 0%	4 5.2%	36 46.8%	37 48.1%	4.42

6	Pelajar gembira melakukan aktiviti persekolahan bersama rakan-rakan mereka yang berlainan agama.	0 0%	1 1.3%	1 1.3%	35 45.5%	40 51.9%	4.48
7	Pelajar sedia bekerjasama dengan rakan-rakan mereka yang berlainan agama dalam sebarang program sekolah.	0 0%	0 0%	2 2.6%	35 45.5%	40 51.9%	4.49
8	Pelajar menghormati kepercayaan rakan-rakan mereka yang berlainan budaya.	0 0%	2 2.6%	0 0%	35 45.5%	40 51.9%	4.47
9	Pelajar sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan mereka yang berlainan budaya.	1 1.3%	1 1.3%	5 6.5%	39 50.6%	31 40.3%	4.27
10	Pelajar tidak kelihatan kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan mereka yang berlainan budaya apabila memerlukan bantuan.	1 1.3%	0 0%	3 3.9%	34 44.2%	39 50.6%	4.43
11	Pelajar selesa bergaul dengan rakan-rakan mereka yang berlainan budaya.	1 1.3%	0 0%	4 5.2%	34 44.2%	38 49.4%	4.40
12	Pelajar selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan mereka yang berlainan budaya.	1 1.3%	0 0%	4 5.2%	34 44.2%	38 49.4%	4.40
13	Pelajar gembira melakukan aktiviti persekolahan bersama rakan-rakan mereka yang berlainan budaya.	1 1.3%	0 0%	1 1.3%	36 46.8%	39 50.6%	4.45

14	Pelajar sedia bekerjasama dengan rakan-rakan mereka yang berlainan budaya dalam sebarang program sekolah.	1 1.3%	0 0%	1 1.3%	35 45.5%	40 51.9%	4.46
----	---	-----------	---------	-----------	-------------	-------------	------

Nilai min keseluruhan 4.40

Dapatan dari Jadual 4 menunjukkan untuk item pertama iaitu 'Pelajar menghormati kepercayaan rakan-rakan mereka yang berlainan agama', seramai 40 orang guru (51.9%) sangat setuju dengan kenyataan ini. 36 orang guru (46.8%) setuju dan seorang guru (1.3%) tidak setuju. Untuk item kedua iaitu 'Pelajar sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan mereka yang berlainan agama', seramai 24 orang guru (31.2%) sangat setuju, 40 orang guru (51.9%) setuju, 10 orang guru (13.0%) kurang setuju, 1 orang guru (1.3%) tidak setuju dan 2 orang guru (2.6%) sangat tidak setuju.

Untuk item ketiga iaitu 'Pelajar tidak kelihatan kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan mereka yang berlainan agama apabila memerlukan bantuan', seramai 38 orang guru (49.4%) sangat setuju dengan kenyataan tersebut, 34 orang guru (44.2%) setuju, 4 orang guru (5.2%) kurang setuju, seorang guru sangat tidak setuju (1.3%) dan tidak ada guru yang tidak setuju. Item keempat iaitu 'Pelajar selesa bergaul dengan rakan-rakan mereka yang berlainan agama' diakui dengan sangat setuju oleh 36 orang guru (46.8%), setuju oleh 37 orang guru (48.1%), 3 orang guru (3.9%) kurang setuju, seorang guru (1.3%) tidak setuju dan tidak ada guru yang sangat tidak setuju. Manakala untuk item kelima iaitu 'Pelajar selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan mereka yang berlainan agama', seramai 37 orang guru (48.1%) sangat setuju dengan kenyataan tersebut, 36 orang guru (46.8%) tidak setuju, 4 orang guru (5.2%) kurang setuju dan tidak ada guru yang tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Untuk item keenam iaitu 'Pelajar gembira melakukan aktiviti persekolahan bersama rakan-rakan mereka yang berlainan agama', seramai 40 orang guru (51.9%) sangat setuju, 35 orang guru (45.5%) setuju dan masing-masing seorang guru (1.3%) kurang setuju dan tidak setuju. Tidak ada guru yang sangat tidak setuju untuk item keenam. Untuk item ketujuh iaitu 'Pelajar sedia bekerjasama dengan rakan-rakan mereka yang berlainan agama dalam sebarang program sekolah', seramai 40 orang guru (51.9%) sangat setuju dengan kenyataan tersebut, 35 orang guru (45.5%) setuju dan 2 orang guru (2.6%) kurang setuju. Tidak ada guru yang tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item ketujuh. Item kelapan iaitu 'Pelajar menghormati kepercayaan rakan-rakan mereka yang berlainan budaya' diakui dengan sangat setuju oleh 40 orang guru (51.9%), setuju oleh 35 orang guru (45.5%) dan 2 orang guru (2.6%) tidak setuju. Tidak ada guru yang kurang setuju dan sangat tidak setuju dengan item kelapan. Manakala untuk item kesembilan iaitu 'Pelajar sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan mereka yang berlainan budaya', seramai 31 orang guru (40.3%) sangat setuju, 39 orang guru (50.6%) setuju, 5 orang guru (6.5%) kurang setuju dan masing-masing seorang guru (1.3%) tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item tersebut.

Untuk item kesepuluh iaitu 'Pelajar tidak kelihatan kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan mereka yang berlainan budaya apabila memerlukan bantuan', seramai 39 orang guru (50.6%) sangat setuju, 34 orang guru (44.2%) setuju, 3 orang guru (3.9%) kurang setuju, seorang guru (1.3%) sangat tidak setuju dan tidak ada guru yang tidak setuju. Untuk item

kesebelas iaitu ‘Pelajar selesa bergaul dengan rakan-rakan mereka yang berlainan budaya’, seramai 38 orang guru (49.4%) sangat setuju, 34 orang guru (44.2%) setuju, 4 orang guru (5.2%) kurang setuju dan seorang guru (1.3%) sangat tidak setuju. Tidak ada guru yang tidak setuju dengan item tersebut. Untuk item kedua belas iaitu ‘Pelajar selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan mereka yang berlainan budaya’, seramai 38 orang guru (49.4%) sangat setuju, 34 orang (44.2%) setuju, 4 orang guru (5.2%) kurang setuju, seorang guru (1.3%) sangat tidak setuju dan tidak ada guru yang tidak setuju.

Manakala untuk item kedua terakhir iaitu ‘Pelajar gembira melakukan aktiviti persekolahan bersama rakan-rakan mereka yang berlainan budaya’, seramai 39 orang guru (50.6%) sangat setuju, 36 orang guru (46.8%) setuju, tidak ada guru yang tidak setuju dan masing-masing seorang guru (1.3%) kurang setuju dan sangat tidak setuju. Untuk item terakhir iaitu ‘Pelajar sedia bekerjasama dengan rakan-rakan mereka yang berlainan budaya dalam sebarang program sekolah’, seramai 40 orang guru (51.9%) sangat setuju dengan kenyataan tersebut, 35 orang guru (45.5%) setuju, masing-masing seorang guru (1.3%) kurang setuju serta sangat tidak setuju dan tidak ada guru yang tidak setuju.

Dapatan juga menunjukkan aspek hubungan yang mempunyai nilai min tertinggi adalah item pertama iaitu ‘Pelajar menghormati kepercayaan rakan-rakan mereka yang berlainan agama’ (nilai min 4.49) dan item ke-7 iaitu ‘Pelajar sedia bekerjasama dengan rakan-rakan mereka yang berlainan agama dalam sebarang program sekolah’ (nilai min 4.49). Manakala aspek dengan nilai min terendah (tetapi masih aspek menunjukkan hubungan yang tinggi) adalah item ke-2 iaitu ‘Pelajar sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan mereka yang berlainan agama’ (nilai min 4.08). Andaian bahawa terdapat guru yang kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan mana-mana item yang dikemukakan walaupun jumlahnya kecil adalah berdasarkan pengalaman guru itu sendiri yang mungkin berhadapan dengan pelajar yang tidak menepati keperluan item yang dinyatakan.

Perbincangan Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, semua aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar yang diutarakan kepada para guru menunjukkan nilai min yang tinggi dengan nilai keseluruhan min adalah sebanyak 4.40. Apabila disusun mengikut nilai min tertinggi, kedudukan aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Susunan Item Mengikut Keutamaan

Bil	Item	Nilai Min
1	Pelajar menghormati kepercayaan rakan-rakan mereka yang berlainan agama.	4.49
2	Pelajar sedia bekerjasama dengan rakan-rakan mereka yang berlainan agama dalam sebarang program sekolah.	4.49
3	Pelajar gembira melakukan aktiviti persekolahan bersama rakan-rakan mereka yang berlainan agama.	4.48
4	Pelajar menghormati kepercayaan rakan-rakan mereka yang berlainan budaya.	4.47
5	Pelajar sedia bekerjasama dengan rakan-rakan mereka yang berlainan budaya dalam sebarang program sekolah.	4.46
6	Pelajar gembira melakukan aktiviti persekolahan bersama rakan-rakan mereka yang berlainan budaya.	4.45

7	Pelajar tidak kelihatan kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan mereka yang berlainan budaya apabila memerlukan bantuan.	4.43
8	Pelajar selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan mereka yang berlainan agama.	4.42
9	Pelajar tidak kelihatan kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan mereka yang berlainan agama apabila memerlukan bantuan.	4.40
10	Pelajar selesa bergaul dengan rakan-rakan mereka yang berlainan agama.	4.40
11	Pelajar selesa bergaul dengan rakan-rakan mereka yang berlainan budaya.	4.40
12	Pelajar selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan mereka yang berlainan budaya.	4.40
13	Pelajar sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan mereka yang berlainan budaya.	4.27
14	Pelajar sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan mereka yang berlainan agama.	4.08

Nilai min keseluruhan 4.40

Dapatan kajian menunjukkan kesemua item menunjukkan keputusan yang positif. Para guru mendapati berdasarkan pemerhatian mereka, pelajar saling menghormati kepercayaan antara satu sama lain. Penghormatan ini perlu dikekalkan menerusi usaha guru menunjukkan contoh teladan yang sama. Guru perlu mengelakkan diri dari menimbulkan isu-isu perbincangan yang sensitif di dalam mahupun luar bilik darjah untuk tidak menghakis rasa hormat pelajar terhadap kepercayaan rakan-rakan lain yang berbeza agama dan budaya. Persoalan yang dibangkitkan oleh pelajar sekiranya ada semasa sesi pengajaran dan pembelajaran perlu ditangani secara berhemah oleh guru untuk tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak. Tidak dapat dinafikan bahawa sikap negatif guru boleh menjadi penghalang kepada pembentukan perpaduan etnik di sekolah kerana para guru merupakan agen sosialisasi yang paling berkesan dalam menyemai kesedaran pelajar pada usia awal berhubung pentingnya aspek keharmonian dan perpaduan (Yong & Ku Hasnita, 2019; Suresh Kumar, 2017).

Para guru dalam kajian ini juga melihat pelajar sedia bekerjasama dalam sebarang program sekolah dengan rakan-rakan berlainan agama dan etnik dengan rasa gembira. Oleh itu, beberapa program bersesuaian perlulah dirancang di pihak sekolah yang memfokuskan kepada penglibatan semua pelajar tanpa mengira agama dan budaya. Kajian oleh Yasmin dan Najeemah (2012), Noor Insyirah (2015), Suresh Kumar (2017) dan Adlina serta rakan-rakan (2018) menunjukkan sekolah berupaya menyediakan persekitaran yang memberangsangkan dalam membentuk hubungan etnik rentas agama dan budaya di kalangan pelajar berlainan etnik. Program bersesuaian boleh diadakan selaras dengan matlamat serta objektif Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) yang merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tanpa adanya pengasingan pelajar.

Apabila pelajar telah dibiasakan untuk saling bergaul antara satu sama lain walaupun dalam sekolah yang mempunyai beberapa pelajar dari kaum minoriti, pelajar pastinya tidak akan kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan berlainan agama dan budaya seperti yang diperhatikan oleh para guru dalam kajian ini. Hal ini kerana aspek kesepaduan sosial iaitu nilai yang membentuk kesepaduan sosial tersebut adalah perasaan keberadaan dan kebersamaan dalam komuniti dan dibina berasaskan perasaan kekitaan (Surya & rakan-rakan, 2019) telah terbentuk dan membawa keselesaan kepada pelajar untuk bergaul dengan rakan-rakan berlainan agama dan budaya dalam membincangkan hal-hal akademik bersama-sama misalnya.

Para pelajar pada kaca mata guru juga dilihat sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan mereka yang berlainan agama dan budaya. Menurut Siti Aidah dan rakan-rakan (2021), pengalaman harian antara seseorang individu dengan individu yang lain serta antara sesama komuniti yang lain mungkin berbeza dalam corak pergaulan dengan etnik yang lain. Namun kecenderungan usaha pelajar untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan berlainan agama dan budaya demi memupuk kesefahaman adalah sesuatu yang memberangsangkan. Ia mungkin meliputi usaha untuk memahami aspek pengamalan beragama, adat resam, budaya dan lain-lain. Kesan dari pengetahuan dan pengalaman harian inilah yang mencorakkan sikap, cara berfikir dan cara mereka bertindak dalam mendepani cabaran-cabaran dalam pemupukan hubungan etnik yang harmoni. Secara keseluruhan, kajian menunjukkan bahawa berdasarkan persepsi guru, tidak ada prejudis dalam kalangan pelajar untuk menjalin hubungan baik dan bergaul rapat dengan rakan-rakan merentasi agama dan budaya. Hal ini merupakan satu keunikan dalam aspek keharmonian masyarakat berbilang kaum di Sabah yang perlu sentiasa dititikberatkan demi menjamin keharmonian sejagat masyarakat di Sabah khususnya dan Malaysia amnya.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian ini membantu kita memahami kecenderungan hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar berpandukan persepsi guru secara umum. Secara tidak langsung, ia dapat membantu para guru dan pihak sekolah untuk meneruskan program-program kebersamaan pelajar yang bersesuaian dengan situasi semasa selepas pandemik Covid-19 demi terus memperkasakan hubungan yang baik antara pelajar berlainan agama dan etnik di sekolah.

Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan bagi Geran Skim Dana Khas yang dibiayai Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertajuk '*Formulasi Model Hubungan Etnik Rentas Agama dan Budaya Pasca COVID-19 : Kajian di Sekolah-sekolah Menengah di Daerah Kota Kinabalu dan Kudat (SDK0159-2020)*'. Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah memberi peruntukan dan membiayai penyelidikan ini.

Rujukan

- Abd Hakim, M., Yusten, K., Saini, A.D, Mohd Sohaimi, E., Dayu, S., Ros Aiza, M.M., Ahmad Tarmizi, T., & Sarjit, S.G. (2015). Memahami sikap masyarakat Kristian terhadap masyarakat Islam di Sabah: Pasca isu larangan menggunakan kalimah Allah. Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*. 6-7 September 2015.
- Adlina, A.K., Rosfazila, A.R., & Hairol Anuar, M.K. (2018). Kajian kes interaksi sosial dalam kalangan pelajar pelbagai etnik ke arah pengukuhan integrasi nasional. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3 (3), 131-135.
- Airen Surayya, K.A, Tan, B.P., & Noor Banu, M.N. (2021). Sensitiviti moral melalui interaksi pelajar pelbagai budaya. *Muallim Journal of Social Science and Humanities MJSSH Online*, 5 (2), 41-56.
- Asmiaty, A. (2021). Hubungan Etnik di Sabah: Satu Kajian terhadap Cerpen-Cerpen Terpilih Penulis Sabah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12 (2), 44-54.

- Budi Anto, M.T. (2008). Pengaruh Agama dalam Interaksi dan Toleransi Etnik: *Kajian Kes ke atas Pelajar Bumiputera Sabah di Universiti Malaysia Sabah*. Tesis Sarjana. Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah. Tidak Diterbitkan.
- Budi Anto, M.T. (2010). Toleransi etnik di Sabah : Analisis terhadap faktor-faktor mempengaruhi keharmonian penduduk di Sabah. *Jurnal MANU*, 16, 67-86.
- Budi Anto, M.T. & Saidatul Nornis, M. (2020). Toleransi Penduduk Bumiputera Terhadap Kaum Cina di Sabah: Kajian Kes dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Kota Kinabalu, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5 (12), 230 - 240.
- Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014. (2015). Sabah : Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah. Diakses dari http://www.malaysiaeconomy.net/download/18072016_1.pdf.
- Mohd. Sohaimi, E., Dayu, S., & Budi Anto, M. T. (2011). *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Noor Insyirah, A. B. (2015). Interaksi Sosial Pelajar Pelbagai Etnik Di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan. *Disertasi Sarjana (tidak diterbitkan)*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Shela, S., Norizan, R., Muhaymin Hakim, A., & Riki, R. (2019). Integrasi etnik dalam ideologi Pendidikan. *Journal of Techno Social*, 11 (2), 47-54.
- Ramlee, M., Norzaini, A., Faridah, K., Abdul Razak, A., & Maimun Aqsha, L. (2009). A survey of social interaction among diverse students in Malaysian higher learning institutions. *International Journal of Learner Diversity*, 1 (1), 93-112.
- Sharifah Darmia, S.A. (2019). Peranan dan cabaran bahasa kebangsaan dalam menyatupadukan pelbagai etnik di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4 (4), 1-9.
- Sharifah Darmia, S.A. (2020). Pengaruh Budaya dalam keharmonian Etnik di Sabah. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian 24 & 25 November 2020. e-ISBN: 978 967 2122 78 4 62.
- Siti Aidah, L., Mohd. Sohaimi, E., Abang Mohd Razif, A.M., Romzi, A., Budi Anto, M.T., Irma Wani, O., & Saifulazry, M. (2021). Kaedah dan Cabaran dalam Mengurus Hubungan Etnik di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6 (23), 115-124.
- Suraya, S., Budi Anto, M.T., Nur Farhana, A.R., Siti Aidah, L., & Halina Sendera, M.Y. (2019). Kesepaduan Sosial dalam Hubungan antara Agama di Pedalaman Sabah. *Borneo International Journal*, 2 (1), 5-15.
- Suresh Kumar, N. V. (2017). Implikasi budaya dan agama ke atas interaksi antara etnik dalam kalangan murid sekolah di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12 (2), 272-286.
- Yasmin, A., & Najeemah, M.Y. (2012). Social distance and ethnic boundary among pupils in multiethnic and monoethnic school environment in Malaysia. *Science Journal of Sociology & Anthropology*, 2012 (2), 1-17.
- Yong, H.H., & Ku Hasnita, K.S. (2019). Sikap negatif guru sebagai penghalang kepada pembentukan perpaduan etnik di sekolah. *Akademika*, 89 (1), 149-159.